



**BAHAGIAN I & II JADUAL 5
AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976**

PBNCJST

v.

**KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
MOF.PKCP.700-7/1/2299**



PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN



PUAN MASTURA BINTI HUSAIN



02 MEI 2025

Pembayar Cukai adalah pentadbir dan pemegang amanah kepada sebuah kuil penganut agama hindu yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

Melalui Perjanjian Jual Beli bertarikh 19.07.2019, Pembayar Cukai telah melupuskan 3 lot hartanah dengan harga balasan sebanyak RM9,991,444.00. Walaupun lot-lot hartanah tersebut telah dilupuskan selepas tamat tempoh enam (6) tahun daripada tarikh pemerolehan, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) telah mengenakan cukai keuntungan harta tanah pada kadar 10% berdasarkan kepada Bahagian II Jadual 5 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976). Walau bagaimanapun, Pembayar Cukai berpandangan kadar cukai keuntungan harta tanah yang sepatutnya dikenakan oleh KPHDN adalah pada kadar 5% di bawah Bahagian I Jadual 5 ACKHT 1976.

Pembayar Cukai berhujah sebagai sebuah badan amanah, Pembayar Cukai tidak tertakluk kepada kadar cukai di bawah Bahagian II Jadual 5 ACKHT 1976 kerana semasa pelupusan tersebut dilakukan, Bahagian II Jadual 5 ACKHT 1976 hanya terpakai secara khusus kepada “syarikat” dan bukan kepada “Badan Amanah”.

KPHDN berpendirian bahawa Pembayar Cukai tertakluk kepada Bahagian II Jadual 5 ACKHT 1976 kerana Pembayar Cukai adalah sebuah “badan korporat” yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) pada 02.05.2025 telah menolak rayuan Pembayar Cukai dan mengekalkan Notis Taksiran Kurangan bagi Tahun Taksiran 2019. Pembayar Cukai telah gagal untuk melepaskan beban pembuktian di bawah Perenggan 13 Jadual 5 Akta Cukai Pendapatan 1967, dibaca bersama Seksyen 18 ACKHT 1976.

Nota Editorial

- *Pembayar Cukai mempunyai hak untuk memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan PKCP dalam tempoh 21 hari daripada tarikh keputusan.*